

Headline	Empat teras utama laksana program transformasi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Bisnes	Page No	21
ArticleSize	144 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,369		



Empat teras utama laksana program transformasi

TENAGA Nasional Berhad (TNB) melaksanakan program transformasi, 'Reimagining TNB' dalam usaha berhadapan dengan cabaran berat yang melanda utiliti elektrik kebelakangan ini, sekali gus memberi peluang usaha niaga baharu kepada syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd menyifatkan cabaran berat itu sebagai perubahan besar kerana trilema tenaga dan gangguan timbul ekoran wujudnya pelbagai teknologi yang merubah kebiasaan dan landskap utiliti.

"Kami di TNB melihat perubahan besar ini sebagai peluang dan bersedia menghadapinya dengan strategi

tertentu di bawah program transformasi 'Reimagining TNB', katanya ketika berucap di The 21st Conference of the Electric Power Supply Industry (Cepsi 2016) di Bangkok, Thailand, baru-baru ini.

Azman berkata, dalam mengubah cabaran tersebut menjadi peluang menerusi 'Reimagining TNB', ia melibatkan empat teras utama iaitu meneroka sumber generasi masa hadapan secara aktif, terutamanya sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui; memberi tumpuan pada grid masa hadapan termasuk grid pintar; memenangi hati pelanggan dengan pelbagai perkhidmatan dan produk dipertingkatkan; serta

peraturan khususnya di bawah kawal selia berdasarkan insentif.

Menurutnya, industri kini berhadapan trilema yang merangkumi cabaran untuk menangani keselamatan tenaga, menyediakan akses kepada perkhidmatan tenaga pada harga berpatutan serta pengeluaran dan penggunaan tenaga mesra alam.

Cepsi 2016 dihadiri oleh negara-negara pengasas The Association of the Electricity Supply Industry of East Asia and the Western Pacific (AESIEAP) termasuklah Australia, Hong Kong, Indonesia, Korea, Malaysia, Thailand, Papua New Guinea dan Singapura.



IR AZMAN